



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

**PROGRAM KEMPEN CABARAN ZERO WASTE @  
BAZAAR RAMADHAN SEMPENA HARI BUMI SEDUNIA  
2024 DI SEBERANG PERAI**

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**19 MAC 2024 (SELASA)  
4.00 PETANG**

**BAZAAR RAMADHAN  
BANDAR PUTRA BERTAM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Program Kempen Cabaran Zero Waste @ Bazaar Ramadhan Sempena Hari Bumi Sedunia 2024 di Seberang Perai** bersama Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (Grew) di Bazar Ramadhan Bandar Putra Bertam.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Encik Khou Jerome, Pengerusi Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang; para penduduk Bandar Putra Bertam, para pengunjung Bazar Ramadhan dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada petang ini.
3. Penghargaan kepada pihak penganjur program pada petang ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar. Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (Grew) merupakan satu persatuan penduduk yang menjalankan aktiviti yang

menggalakkan usaha dalam melestarikan alam sekitar dan mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula. Saya amat berbangga dengan sokongan padu dan komitmen yang diberikan oleh Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang dalam menyambut Hari Bumi Sedunia 2024 ini. Ianya secara tidak langsung menggambarkan semangat persatuan ini yang cintakan kehijauan bumi dan kesejahteraan alam sekitar. Syabas dan Tahniah!

4. Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun oleh masyarakat di 192 negara seluruh dunia, sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak masyarakat untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang. Tema Hari Bumi 2024 ialah "*Planet vs. Plastik*," yang tertumpu ke arah meningkatkan kesedaran meluas tentang risiko kesihatan plastik dengan matlamat utama untuk mengurangkan 60% daripada semua pengeluaran plastik menjelang 2040.
5. Sempena Hari Bumi Sedunia 2024 ini, Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (Grew) bersama-sama MBSP menganjurkan satu Program Kempen Cabaran *Zero Waste @ Bazaar Ramadan* di

Seberang Perai. Program ini melibatkan penyertaan 40 pelajar daripada Sekolah Menengah Sekolah Menengah Kampung Kastam.

6. Pelajar-pelajar ini akan menyertai aktiviti pertandingan Cabaran *Zero Waste @ Bazar Ramadan* di Seberang Perai di mana pelajar diminta untuk mengambil gambar di mana-mana Bazar Ramadan dan di *upload* ke media sosial dengan hashtag #GREWZEROWASTERAMADHAN. Setiap gambar yang diambil oleh pelajar mestilah memfokuskan pada isu plastik sekali guna dan sifar sisa makanan. Pelajar hendaklah menghantar gambar yang ingin dipertandingkan ini melalui Google Form kepada pihak penganjur.
7. Tempoh masa adalah bermula pada 12 Mac 2024 sehingga 09 April 2024 bagi para pelajar mengambil tempat dalam pertandingan ini. Manakala sesi penilaian hakim (90%) akan diadakan pada 10 April 2024 sehingga 15 April 2024 dengan mengambil kira kandungan gambar, kemahiran penyuntingan, kreativiti dan juga tanda suka di media sosial sebanyak (10%). Pengumuman pemenang akan diadakan melalui media sosial (Facebook GREW) pada 30 April 2024.
8. Bagi menjayakan program ini, Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (Grew) bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk menggalakkan orang ramai supaya

mengurangkan penggunaan penyedut minuman plastik dan barangan plastik sekali guna di bazar ramadan melalui Kempen Cabaran *Zero Waste @ Bazar Ramadan*.

9. Program ini dapat memupuk warga Seberang Perai untuk membeli tanpa membazir iaitu ke arah sifar sisa makanan. Amalan *zero waste* seperti ini akan menjadikan masyarakat untuk lebih menghargai sumber bumi dalam melestarikan alam sekitar dan sedar bukan plastik sahaja yang menjadi punca pencemaran alam sekitar.
  
10. Objektif program ini adalah untuk :-
  - i. Mengurangkan jumlah penggunaan beg plastik sekali guna sekaligus mengurangkan pencemaran sisa plastik.
  - ii. Mengurangkan pembaziran sisa makanan dan seterusnya mendidik warga Seberang Perai menghargai sumber makanan.
  - iii. Meningkatkan kesedaran dalam memelihara alam sekitar sosial media.
  - iv. Mendidik masyarakat akan kesan negatif penggunaan plastik dan pembaziran makanan terhadap alam sekitar.
  
11. Pihak GREW telah menyediakan hadiah bernilai RM2,500.00 secara keseluruhannya, kepada pemenang bagi Cabaran *Zero Waste @ Bazar Ramadhan* di Seberang Perai, iaitu:-

- i. Untuk 10 Pemenang Utama, hadiahnya adalah Touch 'n Go Ewallet dengan RM100.00 setiap satu
- ii. Untuk 30 pelajar yang seterusnya akan diberikan hadiah saguhati, Touch 'n Go Ewallet bernilai RM50.00 setiap satu.
- iii. JUMLAH RM2500.00

12. Adalah diharapkan melalui Program Kempen Cabaran *Zero Waste @ Bazaar Ramadhan* ini mampu memberi impak dalam merealisasikan pengguna bijak bagi *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production* dan *Climate Action*. Selain itu, pelbagai pihak juga diharap dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.

13. Dengan lafaz **Bismillahirrahmaanirrahim**, sukacitanya saya melancarkan **Program Kempen Cabaran Zero Waste @ Bazaar Ramadhan Sempena Hari Bumi Sedunia 2024 di Seberang Perai**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***